



Naib Canselor rasmi Kejohanan Sukan MWGi di kalangan pelajar Malaysia

Berita dan foto oleh: HARYANI ABDULLAH

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Antarabangsa Midwest Games International (MWGi) anjuran Kedutaan Malaysia di Chicago (EMC) dan Persatuan Pelajar Malaysia (MASA) Western Michigan University (WMU), di WMU Kalamazoo, Michigan Amerika Syarikat pada 24 Mei 2013 yang lalu.

Dato' Dr. Daing Nasir yang dalam rangka lawatan rasmi akademik ke Amerika Syarikat (USA) ini juga dilantik sebagai Chef de Mission (CDM) bagi kontingen WMU dalam kejohanan sukan tahunan yang menyaksikan WMU sebagai tuan rumah buat kali ke-3 sejak diperkenalkan pada 1997. Di antara penganjur sebelum ini adalah Purdue University (2010), University of Wisconsin- Madison (2011) dan University of Illinois-Champaign (2012).

Kejohanan kali ini menyaksikan lebih 10 acara sukan yang dipertandingkan yang antaranya adalah acara boling, tennis, badminton, bola jaring, bola sepak dan sepak takraw.

"Kejohanan Midwest Games merupakan

sebuah program sukan yang dianjurkan bagi memberi sokongan dan memperkukuhkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat daya saing yang sihat di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara khususnya di USA," katanya semasa berucap dalam majlis perasmian di WMU.

Beliau menyeru agar semua atlet dan pelajar Malaysia sentiasa menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi menyalurkan kepakaran dan bakat-bakat yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, Dato' Dr Daing turut mengingatkan agar pelajar Malaysia sentiasa menumpukan perhatian kepada pengajian tanpa mengeneipkan aspek-aspek kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam usaha menjadi insan yang sentiasa seimbang akademik dan kehidupan.

Sementara itu, Pengarah Kejohanan Sukan MWGi 2013, Satveer Thind berkata, pihaknya menghargai kerjasama UMP terutamanya kehadiran Dato' Dr. Daing yang juga Alumni WMU dalam menjayakan program kejohanan sukan ini.

Menurutnya, program yang diadakan ini

diharapkan bukan sahaja bersukan, malah merapatkan hubungan baik antara pelajar Malaysia yang menuntut dari berlainan universiti serta mengambil peluang menyertai program kerjaya.

UMP turut mengambil bahagian dalam program kerjaya bagi menemubual bakat-bakat baharu sebagai felo akademik di kalangan pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian di USA serta bertemu dengan staf UMP yang sedang menuntut di sana.

Bersempena dengan kunjungan ini, UMP turut mengadakan perbincangan bagi menjalinkan kerjasama dengan pihak San Diego State University (SDSU) dan Missouri University of Science and Technology (MUST) selain berkongsi kepakaran dalam NAFSA Annual Conference and Expo yang berlangsung di St Louise, Missouri.

Hadir sama menyertai delegasi Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.

